

**SEJARAH PERKEMBANGAN ADAT ISTIADAT  
MASYARAKAT BUGIS DI DAERAH KUNAK,  
SABAH (1990-2010)**



**NUR SYAFIQAH BINTI SAID**

**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2022**

**SEJARAH PERKEMBANGAN ADAT ISTIADAT  
MASYARAKAT BUGIS DI DAERAH KUNAK,  
SABAH (1990-2010)**

**NUR SYAFIQAH BINTI SAID**

**LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN  
UNTUK MEMENUHI SYARAT  
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA MUDA  
SAINS SOSIAL DENGAN KEPUJIAN  
DALAM BIDANG SEJARAH**



**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN  
KEMANUSIAAN  
2022**

## PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa Latihan Ilmiah yang bertajuk Sejarah Perkembangan Adat Istiadat Masyarakat Bugis di Daerah Kunak, Sabah (1990-2010) ini merupakan hasil usaha dan kerja saya sendiri, melainkan petikan, ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

12 Ogos 2022



---

(NUR SYAFIQAH BINTI SAID)  
BA19110542



UMMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS**

JUDUL : **SEJARAH PERKEMBANGAN ADAT ISTIADAT MASYARAKAT  
BUGIS DI DAERAH KUNAK, SABAH (1990-2010)**

IJAZAH : **SARJANA MUDA SAINS SOSIAL DENGAN KEPUJIAN**

BIDANG : **SEJARAH**

Saya **NUR SYAFIQAH BINTI SAID** sesi **2021-2022** mengaku dan membenarkan Latihan Ilmiah ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Latihan Ilmiah ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Latihan Ilmiah ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan ( / ) :

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK  
TERHAD

Disahkan Oleh,



(NUR SYAFIQAH BINTI SAID)  
BA19110542



(DR. MOHAMAD SHAUKHI BIN MOHD RADZI)  
PENYELIA

TARIKH : 12 OGOS 2022

## PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Syukur Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kepada hadrat Ilahi kerana dengan izin kurnia-Nya saya dapat menyempurnakan dan menyelesaikan tugas penulisan latihan ilmiah ini dengan jayanya. Dengan kesempatan ini, saya dengan berbesar hati ingin menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Dr. Mohamad Shaukhi bin Mohd Radzi selaku penyelia tesis saya di atas tunjuk ajar, dorongan, sokongan dan cadangan penambahbaikan yang membina sepanjang pengajian saya di Universiti Malaysia Sabah (UMS). Ucapan terima kasih juga tidak terhingga kepada semua pengajar saya dalam bidang Sejarah di atas ilmu dan bantuan yang dicurahkan sepanjang saya belajar di Universiti Malaysia Sabah. Tidak dilupakan juga saya ucapkan ribuan terima kasih kepada kesemua warga UMS yang telah banyak membantu saya sepanjang saya belajar di UMS selama 3 tahu. Pelbagai cabaran dan dugaan yang ditempuhi demi mengorak langkah sehingga ke puncak menara gading. Begitu juga kepada rakan seperjuangan saya dan sahabat-sahabat saya yang setia dan sentiasa bersama sepanjang belajar di UMS.

Akhir sekali, setulus penghargaan kepada ibu bapa saya Puan Nida binti Adam dan Encik Said bin Dolla yang sentiasa mencurahkan kasih sayang. Suami saya, Irwan bin Muhammadong yang sentiasa sabar, menyokong dan menemani disepanjang perjalanan Ijazah Sarjana Muda saya di UMS. Terima kasih di atas kasih sayang, sokongan, semangat dan keprihatinan yang di berikan. Semoga penulisan ini dapat memberikan manfaat kepada diri saya sendiri serta masyarakat kini dan yang akan datang dalam memperluaskan lagi pengetahuan berkaitan penulisan saya ini.

Nur Syafiqah binti Said

1 Ogos 2022

## ABSTRAK

Penyelidikan ini meneroka berkaitan dengan sejarah asal usul dan perkembangan adat istiadat masyarakat Bugis di daerah Kunak. Dikatakan bahawa, sejarah mengenai masyarakat Bugis di daerah Kunak kurang diketahui oleh masyarakat umum dan kini terutama masyarakat Bugis di daerah Kunak itu sendiri. Tujuan kajian ini adalah mempunyai kepentingannya yang tersendiri seperti memberikan pendedahan dan pengetahuan kepada masyarakat dan generasi muda tentang sejarah kaum yang paling awal menetap di Sabah iaitu kaum Bugis. Kekurangan pengetahuan mengenai sejarah asal-usul dan adat istiadat masyarakat Bugis ini mendorong pengkaji untuk melaksanakan kajian ini. Walaupun kajian ini menumpukan kepada masyarakat Bugis itu sendiri namun kesannya pengkaji tumpukan kepada seluruh masyarakat di Sabah lagi-lagi di Malaysia. Objektif utama kajian ini adalah menumpukan kepada sejarah asal usul masyarakat Bugis di daerah Kunak dan sejarah adat istiadat yang diamalkan oleh masyarakat Bugis di daerah Kunak dari tahun 1990 hingga 2010. Disamping itu juga, pengkaji menumpukan kepada pengaruh yang wujud sehinggakan berlakunya perkembangan dalam adat istiadat masyarakat Bugis di daerah Kunak ini. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kepustakaan dalam meneliti sumber primer dan sekunder. Dengan adanya kajian ini, masyarakat dapat mengetahui serba sedikit sejarah masyarakat Bugis di daerah Kunak. Oleh itu, kajian ini dilihat sebuah kajian yang relevan agar generasi seterusnya dapat meneruskan kajian lanjutan berkaitan masyarakat Bugis di Kunak dengan lebih signifikan dan berkualiti. Diharap juga pengkaji selepas ini dapat melakukan kajian dengan lebih mendalam dalam rangka meluaskan lagi pengkajian tentang masyarakat di Sabah terutamanya kaum Bugis.

**Kata Kunci :** Kaum Bugis, Adat Istiadat, Tradisi, Masyarakat

## ***ABSTRACT***

### ***THE HISTORY OF THE DEVELOPMENT THE CUSTOMS OF THE BUGIS COMMUNITY IN KUNAK DISTRICT OF SABAH (1990-2010)***

This research explores related to the history of the origin and development of the customs of the Bugis community in Kunak district. It is said that the history of the Bugis community in Kunak district is less known by the general public and now especially the Bugis community in Kunak district itself. The purpose of this study is to have its own importance such as providing exposure and knowledge to the community and the younger generation about the history of the earliest people to settle in Sabah, namely the Bugis. The lack of knowledge about the history of the origins and customs of the Bugis community prompted the researcher to carry out this study. Although this study focuses on the Bugis community itself, the impact of the researcher focuses on the entire community in Sabah and Malaysia. The main objective of this study is to focus on the history of the origins of the Bugis community in the Kunak district and the history of the customs practiced by the Bugis community in the Kunak district from 1990 to 2010. In addition to that, the researcher focuses on the influence that exists to the extent that developments in the community's customs occur Bugis in this Kunak district. The methodology used in this study is the library method in researching primary and secondary sources. With this study, the community can learn a little bit about the history of the Bugis community in Kunak district. Therefore, this study is seen as a relevant study so that the next generation can continue further studies related to the Bugis community in Kunak with more significance and quality. It is also hoped that researchers from now on will be able to conduct a more in-depth study in order to further expand the study of the community in Sabah, especially the Bugis.

**Keywords:** Bugis, Customs, Traditions, Society

## ISI KANDUNGAN

	Halaman
<b>TAJUK</b>	i
<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b><i>ABSTRACT</i></b>	vi
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI FOTO</b>	ix
<b>BAB 1: PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	3
1.3 Objektif Kajian	5
1.4 Kepentingan Kajian	5
1.5 Sorotan Literatur	6
1.6 Skop Kajian	9
1.7 Metodologi Kajian	9
1.8 Pembahagian Bab	10
1.9 Kesimpulan	15
<b>BAB 2 : SEJARAH ASAL USUL DAN LATAR BELAKANG MASYARAKAT BUGIS DI DAERAH KUNAK, SABAH (1990-2010)</b>	
2.1 Pengenalan	16
2.2 Latar Belakang Daerah Kunak	16
2.3 Sejarah Asal Usul Daerah Kunak	18
2.4 Sejarah dan Latar Belakang Masyarakat Bugis di Daerah Kunak	20
2.5 Subsuku Masyarakat Bugis di Daerah Kunak	22
2.6 Bahasa Masyarakat Bugis di Daerah Kunak	24
2.7 Kesimpulan	26



**BAB 3 : ADAT ISTIADAT YANG DIAMALKAN OLEH MASYARAKAT  
BUGIS DI DAERAH KUNAK, SABAH (1990-2010)**

3.1	Pengenalan	27
3.2	Amalan Adat Istiadat Masyarakat Bugis di Daerah Kunak	28
3.2.1	Amalan Adat Kelahiran ( <i>Anak Lolo'</i> )	29
3.2.2	Amalan Adat Kematian ( <i>Ammateang</i> )	33
3.2.3	Amalan Adat Perkahwinan ( <i>Mappabotting</i> )	39
3.2.4	Amalan Adat Naik Rumah Baru	50
3.3	Kesimpulan	53

**BAB 4 : PENGARUH PERKEMBANGAN ADAT ISTIADAT  
MASYARAKAT BUGIS DI DAERAH KUNAK,  
SABAH (1990-2010)**

4.1	Pengenalan	54
4.2	Pengaruh Agama	55
4.3	Wujudnya Perkahwinan Berlainan Suku	60
4.4	Pengaruh Sistem Lapisan Masyarakat yang Lebih Terbuka	63
4.5	Pengaruh Perkembangan Teknologi dan Media Massa	65
4.6	Kesimpulan	68

<b>BAB 5 : KESIMPULAN</b>	69
---------------------------	----

<b>RUJUKAN</b>	75
----------------	----

<b>LAMPIRAN</b>	81
-----------------	----

## LAMPIRAN A

### SENARAI FOTO

	Halaman
Peta 1 : Peta Penghijrahan Orang-Orang Bugis ke Borneo	3
Peta 2 : Peta Kedudukan Daerah Kunak	17
Foto 1 : Kapal M.V Kunak Berlabuh di Jeti Pangkalan	19
Foto 2 : Muzium Kelapa Sawit Mostyn Estate (Kelapa Sawit Generasi Pertama yang di Tanam di Sabah Pada 1957)	22
Foto 3 : Tulisan Aksara Bugis	25
Foto 4 : Tulisan Angka Bugis	25
Foto 5 : Upacara <i>Caru-Caru</i>	32
Foto 6 : Kitab Suci Bugis (I La Galigo)	33
Foto 7 : Batu Kelikir dalam Upacara <i>Makkulhuwallah</i>	33
Foto 8 : Upacara <i>Mabbaca-Baca Doang</i>	37
Foto 9 : Penggantian Batu Nisan	39
Foto 10 : Proses Bertandang ( <i>Mammanu'-Manu'</i> )	42
Foto 11 : Proses Meminang ( <i>Massuro</i> )	43
Foto 12 : Proses Kesepakatan ( <i>Mappasiarekeng</i> )	44
Foto 13 : Talam Undangan ( <i>Mattampa'</i> )	45
Foto 14 : Majlis Khatam Al-Quran Perempuan ( <i>Mappenre Temme</i> )	46
Foto 15 : Berzanji Sebelum Majlis Perkahwinan	47
Foto 16 : Proses Menghantar Pengantin ( <i>Mappenre Botting</i> )	48
Foto 17 : Ijab Kabul Kaum Bugis	49
Foto 18 : Kunjungan Balas daripada Pihak Mempelai ( <i>Marola</i> )	50
Foto 19 : Ritual Proses Kontruksi Rumah Bugis	51
Foto 20 : Aktiviti Mendirikan Rumah ( <i>Mappatetong Bola</i> )	52

# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Keunikan yang terdapat di Sabah bukan sahaja dicirikan dengan kepelbagaian etnik, dialek, budaya dan adat resamnya, malahan keunikan ini juga diserikan dengan pelbagai anutan agama, asal usul dan adat istiadat masyarakat pribuminya.<sup>1</sup> Asal usul sesebuah kaum ataupun bangsa adalah saling berkait rapat dengan adat istiadat kerana disitulah dapat ditunjukkan bahawa wujudnya keistimewaan dan kemampuan dalam mengeratkan perpaduan sesuatu kaum dan bangsa. Sekiranya adat istiadat itu tidak wujud, masyarakat dalam sesebuah kaum dan bangsa itu tidak akan berfungsi dengan baik kerana perpaduan kurang terbentuk. Namun, terdapat kebanyakan masyarakat yang berlainan kaum ataupun bangsa di dalam sesuatu kawasan kurang mengetahui dan mengambil tahu akan asal usul dan adat istiadat sesebuah masyarakat yang lain. Hal ini telah menyebabkan pengetahuan terhadap sesebuah kaum itu tidak berkembang malahan ikatan silaturahim juga kurang dieratkan.

Dapat diketahui bahawa, kaum Bugis merupakan kaum yang sangat terkenal di Sabah mahupun di Malaysia. Kaum Bugis ini dikatakan mempunyai sejarah asal usul paling awal menetap di Sabah. Kaum Bugis ini asalnya adalah daripada Indonesia terutama dari kawasan Sulawesi, Indonesia. Penghijrahan orang Bugis ke Sabah adalah bermula di kawasan daerah Tawau. Hal ini dikatakan kerana, perairan kawasan Tawau sangat hampir dengan perairan Indonesia iaitu Tarakan, Nunukan dan Sebatik. Penghijrahan orang Bugis ke Tawau Sabah adalah disebabkan beberapa faktor. Dengan itu, kedatangan orang Bugis ke Tawau ini

---

<sup>1</sup> Suraya Sintang, Penganutan Agama Islam dan Kristian di Kalangan Masyarakat Kadazandusun di Sabah, *Jurnal Usuluddin*, Bil. 18, No. 4, 2003, hlm. 59.

bukan sahaja telah membawa diri mereka sendiri malahan mereka juga telah membawa budaya dan adat istiadat dari tanah air mereka ke sesebuah kawasan itu. Oleh yang demikian, daerah Tawau yang berhampiran dengan daerah Kunak telah menyebabkan masyarakat Bugis ini terdorong untuk berhijrah semakin jauh, lagi-lagi mereka ingin berhijrah di seluruh Sabah. Hal ini telah menyebabkan budaya dan adat istiadat mereka semakin berkembang. Oleh itu, disebabkan penghijrahan mereka yang giat, mereka telah mula menetap dengan tetap di setiap daerah di Sabah terutama di daerah Kunak.

Bangsa Bugis merupakan bangsa yang terkenal sebagai bangsa perantau dimana masyarakat Bugis sememangnya telah tersebar di seluruh dunia terutama di kawasan Nusantara termasuk kepulauan Borneo. Kedatangan masyarakat Bugis di Sabah telah mewarnai kepelbagaian etnik yang terdapat di Sabah, seperti di bahagian Pantai Timur Sabah iaitu daerah Semporna, Kunak, Tawau, Lahad Datu dan Sandakan.<sup>2</sup> Oleh itu, semakin lama masyarakat Bugis telah tersebar ke seluruh Pantai Timur sehingga ke kawasan Pantai Barat Sabah. Ianya telah menyebabkan perkembangan adat istiadat kaum Bugis ini semakin terpacak di dunia Sabah dan menjadikan bangsa Bugis ini sebagai bangsa majoriti di kawasan Pantai Timur Sabah selepas bangsa Bajau. Bukan itu sahaja, dikatakan bahawa masyarakat Bugis sangat menyanjung tinggi akan budaya mereka seperti adat dan istiadat.<sup>3</sup> Hal ini dikatakan demikian kerana, adat istiadat ini termasuk dalam nilai-nilai sosial kemasyarakatan. Nilai-nilai sosial ialah segala sesuatu yang dianggap baik dan benar iaitu yang diinginkan oleh masyarakat.<sup>4</sup> Tidak dinafikan bahawa masyarakat Bugis ini mengamalkan adat istiadatnya dari dahulu sehingga kini.

Antara amalan adat istiadat masyarakat Bugis yang paling mereka amalkan ialah kepercayaan ritual dan pantang larang. Kepercayaan pantang larang ini adalah kepercayaan yang mengekang seseorang individu itu daripada melakukan ataupun mengatakan sesuatu perkara yang tidak baik dalam kehidupan seharian. Selain itu juga, kepercayaan pantang larang ini terdapat dalam adat istiadat seperti

---

<sup>2</sup> Mansur Tanra, et.al, *Pemmali dalam Masyarakat Bugis di Pantai Timur Sabah*, Universiti Malaysia Sabah, 2019, hlm. 1.

<sup>3</sup> Asmiaty Amat, *Bugis Sabah*, Siri Etnik Sabah, ITBM: Kuala Lumpur, 2013, hlm. 3.

<sup>4</sup> Alfa, Muhammad, *Pengantar Filsafat Nilai*, Bandung: Pustaka Setia, 2013, hlm. 24.

hal ehwal perkahwinan, kematian, kelahiran dan kenduri kesyukuran naik rumah baru dan sebagainya. Namun, kepercayaan adat istiadat kaum Bugis ini sangat kurang diketahui oleh masyarakat umum. Oleh itu, dengan adanya kajian ini, masyarakat kini boleh mengetahui tentang sedikit sebanyak mengenai kaum Bugis di Sabah terutamanya di daerah Kunak.



Peta 1 : Peta Penghijrahan Orang-Orang Bugis ke Borneo.  
Sumber : Saidah Ismail, (2009).

## 1.2 Permasalahan Kajian

Kajian ini memfokuskan berkaitan kepentingan adat terhadap masyarakat Bugis, namun disebabkan perubahan masa dan pengaruh luar, ianya telah melalui proses perubahan yang signifikan. Bukan itu sahaja, sejarah asal usul dan adat istiadat kaum Bugis kini juga semakin kurang diketahui oleh kebanyakan masyarakat di Sabah terutama masyarakat seluruh Malaysia lagi-lagi dalam kalangan generasi muda. Hal ini dikatakan demikian kerana, kaum Bugis di Sabah ini juga merupakan salah satu kaum yang terawal berhijrah ke Sabah sejak abad ke-16. Namun, masyarakat kini sama ada generasi lama ataupun muda kurang mengambil tahu akan sejarah asal usul kaum Bugis dan adat istiadatnya dengan lebih mendalam. Sekiranya mereka mengambil tahu akan budaya masyarakat Bugis ini, mereka akan

memperoleh banyak nilai sosial dari segi kemasyarakatan. Dikatakan bahawa, masyarakat Bugis ini merupakan masyarakat yang menerapkan budaya mereka sejak kecil kepada anak-anak muda mereka. Perkara ini perlu di ambil peduli lagi-lagi dalam kalangan generasi muda. Hal ini kerana, penerapan budaya adalah sangat penting dalam membentuk anak-anak sejak muda agar mereka mudah menghargai sesuatu adat dan budaya. Disamping itu juga, pandangan masyarakat akan lebih terbuka untuk memberi tunjuk ajar kepada anak muda mereka tentang adat istiadat mereka.

Disamping itu juga, kefahaman masyarakat kini dalam silang asal usul budaya dan adat istiadat masyarakat berbilang kaum di Sabah kurang diteliti. Hal ini dapat dilihat, kebanyakan masyarakat kurang meneliti akan kewujudan perkembangan amalan adat istiadat kini dan dahulu dalam sesebuah masyarakat. Hal ini menyebabkan perpaduan yang seharusnya erat antara masyarakat Sabah mahupun seluruh Malaysia semakin merundum. Namun, pada masa yang sama, terdapat generasi muda kaum Bugis yang masih kurang mengetahui asal usul dan kepentingan adat istiadat bangsa mereka terutamanya generasi muda di daerah Kunak. Lebih ditumpukan bahawa, disebabkan perubahan masa yang begitu cepat, banyak pengaruh-pengaruh luar yang mempengaruhi adat istiadat masyarakat Bugis ini dan secara tidak langsung ianya turut mempengaruhi generasi muda masyarakat Bugis di daerah Kunak.

### **1.3 Objektif Kajian**

Dalam kajian ini, pengkaji telah meletakkan tiga objektif kajian bagi memudahkan lagi kajian pengkaji untuk mencapai matlamat sebenar kajian yang berkaitan dengan tajuk iaitu:

- i. Mengkaji tentang sejarah asal usul masyarakat Bugis di daerah Kunak, Sabah dari tahun 1990-2010.
- ii. Menjelaskan adat istiadat yang diamalkan oleh masyarakat Bugis di daerah Kunak, Sabah dari tahun 1990-2010.
- iii. Menerangkan kesan pengaruh luar terhadap adat istiadat masyarakat Bugis di daerah Kunak dari tahun 1990-2010.

### **1.4 Kepentingan Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui sejauhmanakah masyarakat dan generasi muda kini mengambil tahu tentang kaum yang paling awal merantau datang di Sabah iaitu kaum Bugis. Kefahaman mereka dalam penerimaan kaum Bugis ini dari segi asal usul dan adat istiadatnya adalah perlu diambil peduli dalam kajian ini. Dalam kajian ini dilakukan, banyak kepentingan yang akan didapati hasil daripada penemuannya. Antaranya ialah meningkatkan kefahaman dan pengetahuan masyarakat yang berbilang kaum termasuk generasi muda kini mengenai kaum Bugis dan adat istiadatnya di Sabah. Dengan adanya pendekatan hasil pendapatan kajian ini, semoga perpaduan dapat dieratkan lagi antara masyarakat yang berbilang kaum terutama di Sabah terutama di daerah Kunak. Disamping itu juga, diharap pengkaji selepas ini dapat melakukan kajian dengan lebih mendalam dalam rangka meluaskan lagi pengkajian tentang masyarakat di Sabah terutamanya kaum Bugis.

## 1.5 Sorotan Literatur

Bahagian ini pengkaji akan memfokuskan tentang sintesis kajian lepas dan kajian-kajian yang berkaitan dengan asal usul dan perkembangan adat istiadat kaum Bugis di daerah Kunak, Sabah dari tahun 1990-2010. Beberapa kajian lepas telah digunakan untuk meninjau kajian yang berkaitan dengan kajian ini. Hal ini dikatakan demikian kerana, terdapat beberapa kajian lepas telah mengkaji akan asal usul dan perkembangan adat istiadat yang berkaitan dengan kaum Bugis. Kajian dan juga penjelasan mengenai asal usul dan perkembangan adat istiadat kaum Bugis sudah banyak dilakukan oleh para pengkaji. Walaupun sudah ada penyelidik membuat kajian ini yang mengetengahkan negeri Sabah, Malaysia dan negara serantau sahaja. Tetapi belum ada satu kajian mengenai kajian yang diketengahkan khasnya di daerah Kunak. Oleh itu, pengkaji merasakan dimana perlu dilaksanakan satu kajian untuk memberi gambaran kepada masyarakat lain dan generasi muda tentang masyarakat Bugis di daerah Kunak. Oleh itu, kajian ini masih akan tetap berpaksikan kepada kajian-kajian lepas untuk memudahkan pengkaji membuat kajian berkaitan tajuk yang dipilih.

Asal usul masyarakat Bugis dikatakan sebuah masyarakat yang memiliki sifat suka merantau ke negeri-negeri yang berhampiran dengan wilayah mereka. Dalam kajian Mursyid A. Jamaluddin (2016) dalam bukunya bertajuk '*Tradisi Mappatabe*' dalam Masyarakat Bugis di Kecamatan Pulau Sembilan Kabupaten Sinjai mengatakan asal usul masyarakat klasik Bugis ini adalah kebanyakan dari daerah Luwu, Bone, Wajo, Soppeng, Sinjai, Suppa, dan Sawitto (Kabupaten Pinrang), Sindenreng dan Rappang dan suku Bugis yang menyebar di beberapa Kabupaten (kawasan) ini memiliki adat istiadat yang masih mereka pertahankan.<sup>5</sup> Masyarakat Bugis juga dikatakan tergolong dalam suku-suku Melayu Proto, juga berasal dari kata *To Ugi* yang bermaksud orang Bugis.<sup>6</sup>

---

<sup>5</sup> Mursyid A. Jamaluddin, *Tradisi Mappatabe' dalam Masyarakat Bugis di Kecamatan Pulau Sembilan Kabupaten Sinjai*, Universitas Islam Negeri Alauddin Makassar, 2016, hlm. 3.

<sup>6</sup> Karl Anderbeck, *Suku Batin- A Proto-Malay People? Evidence From Historical Linguistic" The sixth International Symposium on Malay/Indonesia Linguistic*, Bintan Island, 2002, hlm. 3-5.



Disamping itu juga, asal usul penghijrahan dan faktor perantauan orang Bugis ini juga disebabkan oleh "*massapa dalle*" atau disebut sebagai mencari rezeki untuk mencari kehidupan yang lebih baik. Menurut Rahilah Omar, Khazin Mohd Tamrin, Nordin Hussin dan Nelmawarni dalam jurnal mereka bertajuk ' Sejarah Kedatangan Masyarakat Bugis ke Tanah Melayu' mengatakan dalam masyarakat Bugis, belayar, mengembara, berdagang, dan merantau merupakan suatu tradisi utuh dalam kehidupan mereka.<sup>7</sup> Asal usul nenek moyang masyarakat Bugis memang terkenal dalam aktiviti kelautan dan juga pelayaran sehinggakan pelaut Bugis telah mengembangkan budaya mereka sejak beberapa abad yang lalu.

Berikutnya, menurut Soehartoko dalam bukunya yang bertajuk "Merantau Bagi Orang Wajo' Makassar: Ringkasan Penelitian" mengatakan asal usul orang Bugis dikatakan sejak berabad-abad lamanya terkenal dengan sifat perantau yang hanya menggunakan perahu-perahu dari jenis *phinisi* dan *lambo*. Mereka menggunakan perahu-perahu tersebut untuk mengharungi perairan Nusantara untuk berdagang dan merantau dan istilah "*sompe*" digunakan dalam kalangan masyarakat Bugis yang bermaksud merantau.<sup>8</sup> Menurut kajian Asmiaty Amat et,al (2010) yang bertajuk *Bugis Sabah* juga mengatakan kedatangan orang Bugis ke Sabah terutamanya di daerah Tawau adalah sejak sebelum perang dunia kedua sehinggalah wujudnya penubuhan Malaysia. Dikatakan juga bahawa kedatangan masyarakat Bugis ini membawa akan adat istiadat, gaya hidup ekonomi dan sosial mereka ke Sabah.

Berikutnya, banyak perkembangan adat istiadat kaum Bugis yang menjadikan kearifan lokal dalam kalangan masyarakat tempatan. Adat dalam masyarakat Bugis ini adalah kebiasaannya diwarisi turun temurun dari nenek moyang mereka. Dalam kajian Suraya Sintang (2005) yang bertajuk 'Adat Masyarakat Bugis di daerah Tawau' mengatakan, antara amalan adat istiadat yang biasa diamalkan oleh orang Bugis ini ialah sajian yang dihidangkan semasa majlis

---

<sup>7</sup> Rahilah Omar, et.al., *Sejarah Kedatangan Masyarakat Bugis Ke Tanah Melayu*, Jebat 36, 2009, hlm. 43.

<sup>8</sup> Soehartoko, *Merantau Bagi Orang Wajo' Makassar: Ringkasan Penelitian*, Pusat Latihan Penelitian Ilmu-Ilmu Sosial, Universitas Hasanuddin, 1971, hlm. 27.

kenduri kelahiran, perkahwinan, kematian dan naik rumah baru lazimnya terdiri dari air *appasilli* (air mentah), *alannota*, pisang, pembakaran dupa, *sokko* (nasi pulut), dan nasi biasa serta telur rebus. Kuih muih seperti kuih onde-onde dan kuih muih yang lainnya akan dihidangkan dalam majlis upacara membaca doa selamat bagi keluarga yang ingin mengerjakan ibadah haji selalunya dilakukan pada malam jumaat.<sup>9</sup> Dikatakan bahawa, sekiranya adat tidak dilaksanakan ianya akan mendatangkan bahaya dan kesusahan. Akan tetapi, kini adat tersebut kurang diamalkan kerana ianya dikatakan tidak sesuai dengan ajaran Islam.

Disamping itu juga, menurut Nurfarhanah (2014) dalam kajiannya yang bertajuk 'Adat Istiadat Perkahwinan Masyarakat Bugis di Kampung Iboi, Sadong Jaya, Kota Samarahan, Sarawak' mengatakan masyarakat Bugis terkenal dengan kepelbagaian adat dan budaya terutamanya dalam adat perkahwinan.<sup>10</sup> Dikatakan juga, generasi muda kini kurang mengetahui dan juga mengamalkan adat dan budaya orang Bugis tetapi adat tersebut tetap teguh dalam kalangan generasi lama. Walaupun kebanyakan adat istiadat orang Bugis semakin berkembang disebabkan pengaruh agama, namun adat istiadat sedemikian masih diamalkan mengikut syariat Islam.

Akhir sekali, menurut Makmur Haji Harun (2015), dalam bukunya yang bertajuk "Prinsip Siri' dalam Perkahwinan Masyarakat Bugis di Jambi Indonesia" dimana dalam adat istiadat yang diamalkan oleh masyarakat Bugis Jambi adalah tidak boleh dipisahkan dengan agama dan kepercayaan yang dianut oleh masyarakat Melayu Jambi.<sup>11</sup> Hal ini dikatakan demikian kerana, adat dan istiadat Bugis ini dapat dibezakan dengan dua cara iaitu yang pertama upacara yang mempunyai kaitan dengan kehidupan dan upacara yang mempunyai kaitan dengan aktiviti kehidupan masyarakat dengan kehidupan alam semula jadi.

---

<sup>9</sup> Suraya Sintang, *Adat Masyarakat Bugis di daerah Tawau, Sabah*, Universiti Malaysia Sabah, 2005, hlm. 213.

<sup>10</sup> Nurfarhanah binti Sarbini, *Adat Istiadat Perkahwinan Masyarakat Bugis di Kampung Iboi, Sadong Jaya Kota Samarahan, Sarawak*, Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak, 2014, hlm. 2.

<sup>11</sup> Makmur Haji Harun, *Prinsip 'Siri' dalam Perkahwinan Masyarakat Bugis di Jambi Indonesia*, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2015, hlm. 25.

## **1.6 Skop Kajian**

Skop kajian ini dibahagiakan kepada 4 aspek iaitu tempat, masa, masyarakat yang dikaji dan aspek-aspek kajian yang dijalankan. Aspek tempat merujuk kepada kawasan lokasi kajian iaitu di kawasan daerah Kunak, Sabah dan aspek masa pula ditumpukan dari tahun 1990 sehingga 2010. Selain itu, aspek masyarakat pula ialah kaum Bugis dijadikan sebagai tumpuan utama dalam kajian ini. Aspek-aspek kajian yang dijalankan pula ialah menumpukan kepada asal usul dan adat istiadat kaum Bugis di daerah Kunak, Sabah.

## **1.7 Metodologi Kajian**

Metodologi kajian merupakan satu pendekatan yang digunakan dalam penyelidikan yang dilakukan. Metodologi kajian juga dikatakan sebagai kaedah yang digunakan untuk mengumpul dan menganalisis data.<sup>12</sup> Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan metode dokumentasi melalui kaedah kepustakaan. Kaedah tersebut dilakukan oleh pengkaji dalam mengumpulkan semua data yang diperlukan sebelum memulakan kajian dan penyelidikan. Dengan itu, dalam kajian ini penyelidik lebih menumpukan kepada kaedah kepustakaan dari sumber primer dan sekunder.

Kaedah kepustakaan iaitu kaedah rujukan dan penyelidikan juga dijalankan dengan cara mencari maklumat melalui sumber primer dan sekunder melalui laman sesawang yang relevan untuk mendapatkan maklumat mengenai elemen-elemen penting tentang kajian ini. Buku, jurnal dan artikel dan lain-lain yang berkaitan dengan kajian ini telah digunakan bagi menambah lagi maklumat yang diinginkan oleh pengkaji dalam kajian ini. Buku, jurnal, kertas persidangan, laporan, ensiklopedia, bibliografi yang dikategorikan sebagai sumber sekunder turut dicari dalam laman sesawang untuk menambah data dan maklumat yang berkaitan.

---

<sup>12</sup> Ahmad Sunawari Long, *Pengenalan Metodologi Pengajian Islam*, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006, hlm. 42.

Metode dokumentasi melalui kajian kepustakaan juga digunakan bagi memperoleh kajian lepas berkaitan dengan kaum Bugis di Sabah. Dalam kaedah perpustakaan ini, metode seperti pencarian dijalankan bagi mendapatkan maklumat dan data melalui sumber sekunder. Ianya merupakan suatu teknik bagi seorang penyelidik bagi mendapatkan data dan bukti melalui kajian ke atas dokumen dan rekod yang lepas.<sup>13</sup> Oleh itu, pengkaji telah cuba mendapatkan maklumat dan data melalui perpustakaan dalam talian Universiti Malaysia Sabah. Kajian kepustakaan ini merupakan kajian terhadap dokumen sama ada buku, jurnal, disertasi atau tulisan akhbar berkenaan tajuk yang dikaji sebelum penyelidikan di jalankan.<sup>14</sup> Bukan itu sahaja, pengkaji juga mencari maklumat melalui laman sesawang untuk mencari data dalam kajian-kajian ilmiah. Oleh itu, dalam penyelidikan ini kebanyakan data diperoleh daripada kaedah perpustakaan.

## **1.8 Pembahagian Bab**

Dalam bahagian ini, pengkaji akan menjelaskan pembahagian bab dalam penulisan yang dilaksanakan. Pada bab pertama pengkaji memasukkan beberapa aspek yang menjadi tunjang dalam penulisan ini. Antaranya ialah pengenalan, permasalahan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, sorotan literatur, skop kajian, dan metodologi kajian. Pengkaji juga akan menjelaskan pembahagian kajian berdasarkan 3 objektif kajian yang sudah ditetapkan iaitu mengkaji tentang sejarah asal usul masyarakat Bugis di daerah Kunak, Sabah dari tahun 1990-2010 kepada masyarakat kini, menjelaskan pengamalan adat istiadat masyarakat Bugis di daerah Kunak dari tahun 1990 hingga 2010 dan menerangkan kesan pengaruh luar terhadap adat istiadat masyarakat Bugis di daerah Kunak dari tahun 1990-2010 kepada masyarakat kini.

Dalam penulisan ini, penulis menerangkan tentang sejarah asal usul masyarakat Bugis di daerah Kunak, Sabah dari tahun 1990 sehingga 2010 pada bab

---

<sup>13</sup> Mohd Shaffie Abu Bakar, *Metodologi Penyelidikan*, Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1987, hlm 41.

<sup>14</sup> *Ibid*, hlm. 105

kedua. Penulis menerangkan sedikit sebanyak mengenai sejarah daerah Kunak. Dikatakan bahawa, daerah Kunak ini merupakan sebuah daerah kecil yang terletak di negeri Sabah. Nama pekan Kunak telah diambil berdasarkan sejarah sebuah kapal yang pernah berlabuh di Teluk Lahad Datu yang kini dikenali sebagai Darvel Bay. Daerah Kunak ini merupakan sebuah daerah yang kecil yang terletak di Pantai Timur Sabah dimana daerah ini juga dibuktikan oleh para ahli arkeologi bahawa daerah ini pernah menjadi tapak kegiatan manusia purba sejak 30, 000 tahun sebelum masehi. Penduduk daerah Kunak dikatakan lebih kurang 60, 000 lebih penduduk yang terdiri daripada Bumiputera yang berketurunan Bajau, Suluk, Cocos, Bugis dan lain-lain. Kehidupan masyarakat daerah Kunak ini adalah harmoni dimana mereka saling bertolak ansur dan bersepadu antara satu sama lain.

Asal usul kedatangan kaum Bugis ke daerah Kunak adalah mempunyai kaitan dengan kedatangan orang Bugis ke Tawau suatu ketika dahulu. Hal ini dikatakan demikian kerana, daerah Kunak merupakan sebuah daerah yang bersebelahan dengan Tawau selain daripada daerah Semporna dan juga Lahad Datu. Kedudukan daerah Kunak yang berhampiran dengan daerah Tawau telah mendorong orang Bugis untuk berhijrah ke daerah Kunak ketika itu. Dengan prinsip orang Bugis *Masappa Dalle* (mencari rezeki), mereka sanggup berhijrah sejauh yang boleh untuk mencari rezeki. Kedatangan orang Bugis ke Tawau didorong oleh beberapa faktor. Masyarakat Bugis yang mendiami Sabah kini termasuk daerah Kunak merupakan keturunan golongan perantau Bugis dari wilayah Sulawesi Selatan.

Kelompok etnik Bugis ini terdiri daripada 14 subsuku seperti Rappang, Bone (Palakka, Dua Boccoe, Mare), Pangkep (Pangkajene), Pole-wali Mamasa, Sidrap (Sidenreng, Pinrang Utara, Alitta), Pangkayu (Ugi Riawa), Enrekang, Sinjai (Enna, Palattae, Bulukumba), Soppeng (Kessi), Wajo, Barru (Pare-pare, Nepo, Soppeng Riaja, Tompo, Tanete), Sawitto (Pinrang), Luwu (Luwu, Bua Porang, Wara, Malenge-Ussu) dan Maros.<sup>15</sup> Dalam hal kata lain, masyarakat Bugis semakin hari semakin meningkat di daerah Tawau sehinggakan mereka mempunyai keinginan untuk berhijrah ke daerah yang berhampiran dengan Tawau seperti Kalabakan,

---

<sup>15</sup> Nordin Bula, *Penglibatan Politik Suku Kaum Bugis: Satu Kajian di N. 46, Merotai Tawau*, Universiti Sains Malaysia, 1998, hlm. 1.

Lahad Datu, Sandakan dan Kunak. Hal ini dikatakan demikian kerana, bilangan masyarakat Bugis kian bertambah apabila golongan perantau ini membawa bersama beberapa orang ahli keluarga masing-masing berhijrah.<sup>16</sup> Oleh itu, dalam pada masa yang singkat masyarakat Bugis semakin meningkat di setiap daerah di Sabah seperti yang terdapat pada hari ini.

Pada bab ketiga pula, penulis menjelaskan pengamalan adat istiadat masyarakat Bugis di daerah Kunak. Dalam penulisan ini penulis menerangkan adat istiadat seperti adat kelahiran, kematian, perkahwinan dan adat naik rumah baru bagi masyarakat Bugis di daerah Kunak dari tahun 1990 hingga 2010. Pada pandangan penulis, kebiasannya adat istiadat masyarakat Bugis ini berasal daripada nenek moyang mereka dari wilayah Indonesia. Orang Bugis sangat mengamalkan adat istiadat mereka kerana ianya merupakan sumber kepercayaan asli dalam kehidupan. Adat istiadat orang Bugis ini dapat dibahagikan kepada empat tujuan ritual seperti adat ritual untuk menghadapi masa krisis, adat ritual untuk mengharapkan keselamatan, adat ritual menghindari penyakit ataupun bala petaka dan adat ritual pengungkapan rasa kesyukuran. Orang Bugis dahulu mengamalkan adat yang kuat sehinggakan dalam adat tersebut terdapat simbol upacara ritual yang digunakan termasuklah orang yang berperanan penting dalam aktiviti ritual yang akan dilakukan seperti *Sandro*, *Paniti*, *Panrita*, dan guru kampung.

Adat istiadat yang diamalkan oleh orang Bugis yang berhijrah ke Sabah khususnya di daerah Kunak secara tidak langsung turut membawa bersama adat istiadat yang biasa mereka amalkan di tanah asal mereka. Antara adat istiadat Bugis yang terkenal adalah adat dalam upacara kelahiran, perkahwinan, kematian dan juga naik rumah baru. Sejarah adat Bugis di daerah Kunak ini sesetengahnya sudah mengalami perubahan namun sebahagian besarnya masih diamalkan terutama oleh golongan orang lama di kawasan petempatan yang ramai di diami oleh orang Bugis seperti di Kampung Simpang 4, Kampung Lormalong, Ladang Mostyn dan lain-lain. Adat istiadat masyarakat Bugis di daerah Kunak ini juga sangat disanjung tinggi dalam kalangan orang tua berbanding dengan orang muda.

---

<sup>16</sup> *Ibid*, hlm. 211.

Oleh yang demikian, sejarah pengamalan adat istiadat masyarakat Bugis di daerah Kunak ini kurang diketahui cara pengamalannya dalam kalangan generasi muda.

Adat istiadat kaum Bugis yang masih diamalkan adalah dalam upacara kelahiran dimana sebahagian mereka menerapkan unsur pengajaran Islam kepada anak-anak sejak anak baru dilahirkan ketika itu dalam adat istiadat mereka seperti mengadakan upacara cukur jambul. Namun juga terdapat yang mengamalkan tanda mengikuti syariat Islam. Adat upacara kelahiran yang kebiasaannya di laksanakan dalam adat istiadat Bugis ini digelar *caru-caru* dan *tompolo* yang merupakan ritual asli Bugis. Upacara ini sama seperti aqiqah yang terdapat dalam agama Islam ataupun dikenali sebagai *maccera'* dalam masyarakat Bugis.<sup>17</sup>

Dalam bahagian adat kematian pula, masyarakat Bugis ini kebiasaannya disertai dengan pelbagai bentuk ritual ataupun upacara untuk menghantar roh si mati ke alam seterusnya. Antara adat yang dijalankan ketika memandikan jenazah ialah *pajenekang*, *pasucina*, *pabbisina*, dan *pamarului*. Jenazah yang sudah dimandikan akan *diroko* iaitu dikafan dengan kain putih oleh ahli keluarganya. Berikutnya ialah, mereka melaksanakan beberapa proses dan menyediakan makanan seharian *kanre allo-allona* telah disediakan selama tujuh ataupun sembilan hari berturut-turut dan diikuti doa yang dibacakan oleh imam dengan pembakaran *dupa*.

Selain itu, adat istiadat kaum Bugis dahulu yang masih diamalkan hingga kini oleh masyarakat Bugis di daerah Kunak ialah adat dalam upacara perkahwinan. Terdapat beberapa langkah dalam adat perkahwinan Bugis ini bermula dari sebelum, semasa dan selepas majlis dijalankan. Antara adat-adat sebelum perkahwinan adalah seperti *mammanu-manu* ataupun *mapesiare'* iaitu merisik, *mapetuada'* atau *massuro* iaitu perbincangan antara dua pihak, *maddupa* atau *mattamba* iaitu proses menjemput saudara mara, *napiiili* iaitu permohonan kepada Yang Maha Esa untuk mengelakkan perkara yang buruk kepada pasangan pengantin, hantar *leko* (hantaran) dan *mapendre dowi* serta mendirikan *sarappo* (khemah) untuk bakal pengantin.

---

<sup>17</sup> Nurhayati Djamas, *Varian Keagamaan Orang Bugis-Makassar, dlm Agama dan Realitas Sosial, Sulawesi Selatan: Lembaga Penerbitan Universitas Hasanuddin, 1985, hlm. 298.*



Seterusnya, semasa upacara perkahwinan pula adat-adat yang dijalankan adalah nikah iaitu majlis akad yang dijalankan menurut tatacara Islam dikendalikan oleh imam serta disaksikan oleh wali perempuan dan disahkan oleh dua orang saksi dan pegawai agama.<sup>18</sup> Adat menaburkan beras juga dijalankan dan *sompa* akan diserahkan kepada pengantin perempuan. Berikutnya ialah *mappalettu nikah* iaitu aktiviti yang dilakukan selepas akad nikah dijalankan. *Makkarawa* iaitu mempersatukan, *tudang bottinge* ialah majlis persandingan, dan akhir sekali ialah *mapparola* ialah adat bertandang ke rumah keluarga lelaki.

Disamping itu juga, dalam adat naik rumah baru pula, ianya bertujuan untuk meminta keizinan kepada roh-roh ataupun mengusir makhluk-makhluk halus yang selama ini dipercayai pernah menghuni tempat tersebut. Antara adat-adat yang diamalkan oleh *panrita bola* iaitu untuk mengetahui lokasi sesuai untuk membina rumah, *pocci bola*, pembuatan *lobang pasa'* atau tempat penyambungan kayu, dan *appasilli* iaitu proses pembersihan yang bertujuan mengusir roh-roh jahat yang boleh mengundang kemudaratan dikawasan tersebut. Akhir sekali, majlis jamuan akan diadakan dengan mengundang jiran tetangga dan juga sanak saudara yang terdekat.<sup>19</sup>

Berikutnya, pada bab keempat, penulis menerangkan mengenai kesan pengaruh luar terhadap adat istiadat masyarakat Bugis di daerah Kunak, Sabah dari tahun 1990 hingga 2020. Masyarakat kini dikatakan sangat menjunjung tinggi adat dimana ianya merupakan hukum dan peraturan yang harus dipatuhi dan diperturunkan melalui proses sosialisasi yang informal seperti keluarga, sanak saudara, dan juga jiran tetangga.<sup>20</sup> Oleh itu, setiap masyarakat memiliki akan adat mereka tersendiri. Setiap adat akan dipengaruhi dalam kalangan masyarakat. Pengaruh luar terhadap adat istiadat masyarakat Bugis di daerah Kunak ini dari tahun 1990 sehingga 2010 kepada masyarakat kini ialah lebih tertumpu pengaruh dalam aspek sosio-budaya. Pengaruh luar terhadap adat istiadat kaum Bugis yang

---

<sup>18</sup> Susan Bollyard Millar, *Bugis Society: Given by the Wedding Guest*, Tesis Phd, Cornell University, United State America, 1981, hlm. 108.

<sup>19</sup> *Ibid*, hlm. 225.

<sup>20</sup> Wazir Jahan Karim, *Women and Culture: Between Malay Adat and Islam*, Boulder: Westview Press, 1992, hlm. 32.